



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

PEMBANGUNAN KERJAYA

Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 dan 10, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 W.P. Putrajaya.
Tel : 603 8883 2786
www.moh.gov.my



PEMBANGUNAN KERJAYA

Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia

Cetakan Pertama: November 2007

© Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Sumber Manusia,
Aras 9 dan 10, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 W. P. Putrajaya.
Tel : + 603-8883 2786
www.moh.gov.my**

Kandungan

Pengenalan	1
Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Farmasi	2
Proses Pelantikan	3
Syarat Perkhidmatan	5
Peluang Kerjaya di KKM	9
Senarai Hospital Latihan Siswazah yang Diperakukan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan	13
Bayaran Insentif dan Kemudahan Lain	17
Pengiraan Emolumen dan Elaun Pegawai Farmasi	19
Permohonan Mengikuti Program Pengajian Sarjana Farmasi	21
Kelayakan Masuk	22
Bidang Subkepakaran yang Ditawarkan dan Diiktiraf	27
Rajah Kenaikan Pangkat	31

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SALAM SEJAHTERA

Buku *Pembangunan Kerjaya Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia* merupakan buku pertama seumpamanya yang dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia selaras dengan hasrat Kementerian untuk membangunkan modal insan dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan. Buku ini menerangkan dengan ringkas dan padat serta memudahkan pemahaman mengenai syarat skim perkhidmatan dan peluang kerjaya Pegawai Farmasi di sektor awam terutama kepada bakal graduan bidang perubatan dan Pegawai Farmasi yang sedang berkhidmat. Sememangnya menjadi harapan agar buku ini dapat dijadikan panduan dalam merancang kerjaya Pegawai Farmasi dan segala kekaburan mengenai peluang kerjaya akan dapat dielakkan di samping dapat mempercepat urusan yang dilaksanakan terhadap sesuatu perkara berkaitan perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, isi kandungan yang terdapat di dalam buku ini adalah terhad. Ia sekadar untuk memberikan kefahaman secara mudah dan tidak boleh digunakan bagi apa-apa tujuan lain khususnya yang membawa implikasi undang-undang. Pegawai Farmasi yang berkhidmat di sektor awam masih perlu menjalani kursus orientasi dan induksi yang telah disusun oleh pihak pengurusan sumber manusia di peringkat Ibu Pejabat Kementerian dan Negeri untuk memperkemas dan memantapkan lagi pemahaman mengenai fungsi, peranan dan tanggungjawab anggota sebagai seorang Pegawai Farmasi.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa Kementerian mengalu-alukan apa-apa teguran dan pandangan daripada para pembaca dengan maksud menambah baik kandungan buku ini. Akhir kata, dengan terbitnya buku ini diharapkan Pegawai Farmasi yang berpengetahuan, berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh dapat dibentuk seiring dengan aspirasi kerajaan dan Kementerian.

Selamat Maju Jaya.

SABARIAH BT. HASSAN
Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
Kementerian Kesihatan Malaysia

KERJAYA BAGI PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN

PENGENALAN

Pegawai Farmasi merupakan salah satu tugas terpenting dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini. Pegawai Farmasi berperanan dalam merancang, melaksanakan dan menguruskan segala aktiviti pengurusan, praktis klinikal, penguatkuasaan undang-undang, penentuan kualiti, kajian dan analisis berkenaan dengan perubatan. Peranan Pegawai Farmasi semakin penting dalam era pembangunan negara dan dunia hari ini, dengan itu Kementerian memerlukan lebih ramai Pegawai Farmasi yang cekap, dinamik, sanggup menerima cabaran dan bersedia untuk berkhidmat kepada negara dan masyarakat tanpa mengira masa dan tempat.

BAB 1

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI FARMASI

Tanggungjawab utama Pegawai Farmasi adalah untuk memastikan aktiviti pengurusan serta amalan farmasi seperti perkhidmatan farmasi klinikal, penyampaian maklumat terapeutik, promosi penggunaan ubat yang rasional di samping tugas-tugas tradisi menguruskan perolehan, bekalan, pengagihan produk farmaseutikal dan produk keperluan rawatan serta diagnostik berjalan dengan lancar. Bagi aktiviti penguatkuasaan, perkhidmatan yang cekap dalam menjalankan tugas pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang adalah diperlukan. Selain itu, tenaga dan khidmat Pegawai Farmasi juga diperlukan dalam menjalankan tugas pengawalan peraturan bagi produk farmaseutikal dan penjagaan kesihatan, iaitu menjalankan tugas yang berkaitan dengan penilaian data dan maklumat produk serta analisis kandungan ubat, kosmetik dan ubatan tradisional dengan matlamat untuk menentukan bahawa produk tersebut adalah berkualiti, selamat dan berkesan.

BAB 2

PROSES PELANTIKAN

2.1 SYARAT PELANTIKAN

Untuk menjadi seorang Pegawai Farmasi, calon perlu memenuhi syarat berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada masa tawaran kerja diiklankan;
- c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Farmasi dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dan diiktiraf;
- d) Lulus Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan lain yang setaraf dan diiktiraf; dan
- e) Telah berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

2.2 TATACARA PELANTIKAN

Pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Farmasi sama ada dari universiti di dalam dan luar negara (B.Pharm/MSc.Pharm) perlu mendapatkan satu set borang permohonan jawatan sebagai Pegawai Farmasi dari Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengandungi borang berikut:

- (a) Borang Maklumat Diri (BMD);
- (b) Borang Tapisan Keselamatan;
- (c) Borang Pendaftaran dengan Lembaga Farmasi; dan
- (d) Borang SPA 8 (berharga RM3.00 atau diperoleh dari laman web: www.spa.gov.my).

Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk diproses. Permohonan juga boleh dibuat terus kepada SPA melalui laman web atau Borang SPA 8 tanpa melalui Bahagian Sumber Manusia, KKM.

2.4 LATIHAN PEGAWAI FARMASI SISWAZAH

Pegawai Farmasi perlu menjalani latihan siswazah selama satu tahun di hospital KKM atau hospital universiti seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Universiti Sains Malaysia. Pegawai Farmasi (*Houseman*) yang didaftarkan secara provisional dan baru dilantik ke perkhidmatan awam akan dibayar gaji mengikut Gred U41 (P1T4) – RM2,274.71 sebulan.

(Rujuk **Lampiran 1** untuk senarai hospital bagi latihan siswazah)

2.5 PENEMPATAN PEGAWAI FARMASI

Pegawai Farmasi wajib berkhidmat selama 3 tahun dengan Kerajaan selepas menamatkan Latihan Siswazah. Penempatan pegawai selepas tamat Latihan Siswazah bergantung pada keperluan dan kekosongan jawatan di mana-mana hospital, klinik kesihatan atau ibu pejabat KKM.

BAB 3

SYARAT PERKHIDMATAN

3.1 GAJI DAN EMOLUMEN

Pegawai Farmasi boleh dilantik dan diberi gaji pokok sebulan mengikut gred berikut :

Gred	Minimum	Maksimum
(a) U41	RM2,274.71 (P1T4)	RM4,723.81
(b) U44	RM3,028.90 (P1T1)	RM5,018.81
(c) U48	RM4,431.54 (P1T1)	RM5,882.85
(d) U52	RM4,992.31 (P1T1)	RM6,443.62
(e) U54	RM5,258.09 (P1T1)	RM6,843.02

3.2 ELAUN / IMBUHAN TETAP

3.2.1 Selain gaji pokok di atas, semua Pegawai Farmasi Gred U41 akan menerima imbuhan berikut:

(a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM300.00
(b) Imbuhan Tetap Perumahan	RM250.00
(c) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM750.00

3.2.2 Pegawai Farmasi Gred U44 akan menerima imbuhan berikut:

(a) Imbuhan Tetap Keraian	RM 400.00
(b) Imbuhan Tetap Perumahan	RM 400.00
(c) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM 750.00

3.2.3 Pegawai Farmasi Gred U48 akan menerima imbuhan berikut:

- | | |
|--|-----------|
| (a) Imbuhan Tetap Keraian | RM 550.00 |
| (b) Imbuhan Tetap Perumahan | RM 700.00 |
| (c) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal | RM 750.00 |

3.2.4 Pegawai Farmasi Gred U52 akan menerima imbuhan berikut:

- | | |
|--|-----------|
| (a) Imbuhan Tetap Keraian | RM 600.00 |
| (b) Imbuhan Tetap Perumahan | RM 700.00 |
| (c) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal | RM 750.00 |

3.2.5 Pegawai Farmasi gred U54 akan menerima imbuhan berikut:

- | | |
|--|-----------|
| (a) Imbuhan Tetap Keraian | RM 800.00 |
| (b) Imbuhan Tetap Perumahan | RM 900.00 |
| (c) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal | RM 750.00 |

3.2.6 Pegawai Farmasi Gred JUSA C / Khas C dan ke atas akan menerima imbuhan berikut:

- (a) Elaun Keraian antara RM2,150.00 hingga RM4,000.00 sebulan
- (b) Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah sebanyak RM166.67 sebulan
- (c) Bayaran Bantuan Pembantu Rumah sebanyak RM500.00 sebulan
- (d) Sebuah kereta rasmi dan kemudahan petrol
- (e) Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Gred Khas antara RM810.00 hingga RM2,500.00 sebulan
- (f) Bayaran Insentif Khas antara RM400.00 hingga RM1,250.00 sebulan.

3.3 IMBUHAN / INSENTIF KHAS

Pegawai Farmasi yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam juga akan menerima insentif mengikut gred dan jawatan selain yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat kelayakan seperti yang telah ditetapkan. Antaranya adalah:

- (a) Bantuan Sara Hidup (COLA) pada kadar RM100 hingga RM300 bergantung pada tempat bertugas
- (b) Bayaran Insentif Wilayah bagi Pegawai Farmasi di Sabah dan Sarawak pada kadar 12.5 hingga 17.5 peratus daripada gaji bulanan
- (c) Bayaran Insentif Pedalaman bagi Pegawai Farmasi di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan
- (d) Bayaran Insentif Penguatkuasa sebanyak RM200.00 sebulan kepada Pegawai Farmasi yang menjalankan tugas penguatkuasaan

3.4 KEMUDAHAN LAIN

Pegawai Farmasi layak menerima pelbagai kemudahan selama berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kemudahan yang layak diterima adalah seperti yang berikut:

- (a) Kemudahan Perubatan percuma untuk pegawai, keluarga dan ibu bapa
- (b) Kwarters
- (c) Pinjaman perumahan dengan kadar faedah 4% (RM200,000.00- RM300,000.00)
- (d) Pinjaman komputer (maksimum RM5,000.00)
- (e) Pinjaman kereta dengan kadar faedah 4% (RM27,000.00 – RM200,000.00)
- (f) Skim pencen atau KWSP
- (g) Peluang melanjutkan pelajaran
- (h) Elaun dalam perkhidmatan

- i. Elaun kerana bertugas
 - ii. Elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar atau berpindah rumah dalam negeri
 - iii. Elaun kerana berkursus
 - iv. Elaun bertugas di seberang laut
- (i) Kelayakan cuti
- i. Cuti tahunan sebanyak 30 hari setahun
 - ii. Cuti separuh gaji
 - iii. Cuti tanpa gaji
 - iv. Cuti mengerjakan haji 40 hari
 - v. Cuti bersalin maksimum 90 hari
 - vi. Cuti sakit dan cuti sakit lanjutan
 - vii. Cuti kerana berkursus
 - viii. Cuti haji
 - ix) Cuti tanpa rekod (perayaan, gantian, menghadiri peperiksaan dan lain-lain)
- (j) Keahlian dalam kelab rekreasi
- (k) Kemudahan pengurusan jenazah anggota sebanyak RM1,000.00
- (l) Bayaran sagu hati persidangan
- (m) Elaun, bayaran dan kemudahan kerana menghadiri perbicaraan di mahkamah.

BAB 4

PELUANG KERJAYA DI KKM

4.1 JENIS PENGKHUSUSAN

Pegawai Farmasi di KKM boleh mengembangkan kerjayanya dalam 3 bidang utama, iaitu:

(a) Aktiviti Amalan dan Pengurusan

Berkhidmat di hospital kerajaan dengan menjalankan tugas yang berkaitan dengan pengurusan farmasi seperti perolehan, bekalan, pengagihan produk farmaseutikal dan farmasi klinikal; atau


(b) Aktiviti Penguatkuasaan

Berkhidmat di Unit Penguatkuasa Farmasi negeri dengan melakukan tugas yang berkaitan dengan pentadbiran, penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang; atau

(c) Aktiviti Pengawalan Farmaseutikal

Berkhidmat di Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan dengan menjalankan urusan yang berkaitan dengan pengawalan peraturan farmaseutikal seperti pendaftaran dan penentuan kualiti produk dengan menganalisis kandungan bahan ubat, kosmetik dan perubatan tradisional selain menjalankan tugas yang berkaitan dengan kawalan industri seperti pemeriksaan kilang dan pelesenan.

Carta Pengkhususan adalah seperti di bawah :



4.2 PELUANG MENGIKUTI LATIHAN

Selaras dengan dasar KKM yang menggalakkan budaya belajar di kalangan organisasi serta peningkatan kualiti perkhidmatan dan pegawai yang cekap, Pegawai Farmasi berpeluang:

- (a) mengikuti latihan dan kursus jangka pendek sama ada di dalam atau luar negara
- (b) mengikuti latihan Sarjana di dalam dan luar negara
- (c) ditempatkan di badan antarabangsa atau institusi perubatan
- (d) mengikuti persidangan dan sebagainya di dalam atau luar negara

4.2.1 Prosedur Permohonan

- (a) Syarat asas untuk mengikuti Kusus Sarjana tertakluk kepada: -
 - (i) Pengesahan dalam perkhidmatan (1 hingga 3 tahun)
 - (ii) Prestasi yang memuaskan serta diperakukan oleh Ketua Jabatan

(Rujuk **Lampiran 3** dan **3A** untuk Program Sarjana yang ditawarkan dan syarat kemasukan)

4.3 PELUANG KENAIKAN PANGKAT

Kerjaya Pegawai Farmasi di KKM menjanjikan peluang kerjaya yang baik. Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Farmasi dengan menyediakan pelan laluan kerjaya secara komprehensif dari gred lantikan hingga ke Gred 54 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Lampiran 4** untuk Laluan Kerjaya Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia.

PENUTUP

Kementerian Kesihatan telah membina pelbagai kemudahan lengkap dengan teknologi terkini bagi memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan untuk masyarakat adalah yang terbaik. Oleh itu, Kementerian memerlukan Pegawai Farmasi yang komited, cekap dan sedia berkhidmat tanpa mengira masa atau tempat. Bagi menarik lebih ramai Pegawai Farmasi untuk berkhidmat dengan Kerajaan, Kementerian sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan skim perkhidmatan ini dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 1

**SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH YANG DIPERAKUKAN
OLEH LEMBAGA KELAYAKAN PERUBATAN**

Negeri	Nama Hospital
i. Perlis	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Hospital Tuanku Fauziah Kangar, Perlis
ii. Kedah	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Hospital Alor Setar Hospital Sungai Petani Hospital Kulim Hospital Baling Hospital Langkawi
iii. Pulau Pinang	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Hospital Pulau Pinang Hospital Seberang Jaya Hospital Bukit Mertajam
iv. Perak	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Hospital Taiping Hospital Ipoh Hospital Teluk Intan Hospital Sri Manjung Hospital Slim River
v. Wilayah	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Hospital Kuala Lumpur Hospital Putrajaya

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Negeri	Nama Hospital
vi. Selangor (institusi)	Bahagian Penguatkuasa Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia, Petaling Jaya Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Petaling Jaya
vi. Selangor	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Selangor Hospital Tengku Ampuan Rahimah Hospital Selayang Hospital Kajang Hospital Ampang Hospital Banting Hospital Serdang Hospital Kuala Kubu Baru Hospital Sabak Bernam Hospital Sungai Buloh Hospital Tanjong Karang
vii. Negeri Sembilan	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Sembilan Hospital Seremban Hospital Kuala Pilah Hospital Port Dickson
viii. Melaka	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Melaka Hospital Melaka

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Negeri	Nama Hospital
ix. Johor	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Johor Hospital Batu Pahat Hospital Muar Hospital Sultanah Aminah Hospital Kluang Hospital Segamat
x. Pahang	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Pahang Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh
xi. Terengganu	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Terengganu Hospital Kuala Terengganu Hospital Kemaman
xii. Kelantan	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Kelantan Hospital Kota Bharu Hospital Kuala Krai
xiii. Sarawak	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Sarawak Hospital Umum Sarawak Hospital Sibu Hospital Miri Hospital Bintulu

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Negeri	Nama Hospital
xiv. Sabah	Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Sabah Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu Hospital Tawau Hospital Likas Hospital Dutchess of Kent, Sandakan Hospital Lahad Datu Hospital Keningau
xv. Universiti	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia Hospital Universiti Sains Malaysia Pusat Perubatan Universiti Malaya

LAMPIRAN 2

BAYARAN INSENTIF DAN KEMUDAHAN LAIN

1. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Anggota dalam perkhidmatan **Pegawai Perubatan** dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak RM750 sebulan dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008

2. Bayaran Insentif Wilayah

Bayaran Insentif Wilayah dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987, iaitu bagi pegawai yang bertugas di wilayah baru yang berlainan daripada wilayah tempat asal pegawai.

Lingkungan Gaji (Termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratusan daripada Gaji yang Diterima
RM4839.66 dan ke atas	12.55
RM4839.65 – RM2852.84	15
RM2852.83 – 1427.05	17.5
RM1427.06 – RM871.68	20
RM871.67 – RM623.63	22.5
RM623.62 dan ke bawah	25

3. Bayaran Insentif Pedalaman

Pekeliling Perkhidmatan Bil 9/1991 (Lampiran D6, M/S 1337).

Bayaran Insentif Pedalaman dengan kadar 10% daripada gaji bulanan yang diperuntukkan dalam perenggan 3.3 Lampiran 'C', PP Bil 9 Tahun 1980 dikekalkan **dengan pindaan**, iaitu diberi kepada anggota yang berkhidmat di kawasan terpencil dan **menghadapi dua** daripada perkara berikut:-

- a) perhubungan pengangkutan yang sukar:
 - (i) tiada kemudahan alat perhubungan seperti telefon dan alat tanpa wayar;
 - (ii) terpaksa berjalan kaki atau menggunakan pelbagai kaedah pengangkutan untuk dihubungi seperti kenderaan bermotor dan perahu;
 - (iii) tiada kemudahan pengangkutan biasa; dan
 - (iv) mengambil masa perjalanan yang panjang.
- b) kemudahan asas berikut yang kurang sempurna,
 - (i) bekalan air bersih;
 - (ii) tempat kediaman yang sesuai (rumah papan yang mempunyai ruang dapur/tamu/bilik tidur);
 - (iii) bekalan elektrik (sekurang-kurangnya 12 jam sehari);
 - (iv) pusat bekalan;
 - (v) klinik desa; dan
 - (vi) sekolah rendah.
- c) tidak mempunyai kemudahan sosial berikut:
 - (i) masjid;
 - (ii) dewan orang ramai; dan
 - (iii) tempat riadah.

Senarai kawasan pedalaman seperti SPP 1/2000 bagi Sabah dan SPP 2/2000 bagi Sarawak.

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMPIRAN 2A

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI FARMASI

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI FARMASI (Kelulusan Sarjana / Ijazah)

Emolumen	Gred				
	U41	U44	U48	U52	U54
Gaji Pokok (minimum)	RM2274.71	RM3028.90	RM4431.54	RM4992.31	RM5258.09
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 300.00	RM 400.00	RM 600.00	RM 800.00	RM 800.00
Imbuhan Tetap Perumahan	RM 210.00	RM 210.00	RM 700.00	RM 700.00	RM 900.00
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM113.74	RM151.45	RM221.58	RM249.62	RM262.90
JUMLAH	RM2898.45	RM3790.35	RM5903.12	RM6541.93	RM7220.99

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI FARMASI GRED KHAS C, B & A (Teknikal)

Emolumen	Gred		
	C	B	A
Gaji Pokok (minimum)	RM6,595.99	RM7,145.00	RM7,766.00
Elaun Keraian	RM2,150.00	RM2,650.00	RM3,300.00
Imbuhan Tetap Perumahan	RM1,300.00	RM1,600.00	RM2,000.00
Bayaran Insentif Khas	RM400.00	RM600.00	RM1,000.00
Elaun Pembantu Rumah	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Imbuhan Tetap Gred Khas	RM810.00	RM1,200.00	RM2,000.00
Elaun Penyelenggaraan Rumah (Bayaran secara tahunan)	RM166.67	RM166.67	RM166.67
JUMLAH	RM11,922.66	RM13,861.67	RM16,733.33

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI FARMASI GRED UTAMA C, B & A (Pentadbiran)

Emolumen	Gred Utama		
	C	B	A
Gaji Pokok (minimum)	RM6,595.99	RM7,145.00	RM7,766.66
Elaun Keraian	RM2,500.00	RM3,050.00	RM4,000.00
Imbuan Tetap Perumahan	RM1,300.00	RM1,600.00	RM2,000.00
Bayaran Insentif Khas Elaun	RM500.00	RM750.00	RM1,250.00
Pembantu Rumah Imbuan	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Tetap Jawatan Utama	RM1,000.00	RM1,500.00	RM2,500.00
Elaun Penyelenggaraan Rumah (Bayaran secara tahunan)	RM166.67	RM166.66	RM166.66
JUMLAH	RM12,562.66	RM14,711.67	RM18,183.33

LAMPIRAN 3

PERMOHONAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN SARJANA FARMASI

Calon KKM yang berjawatan tetap dipelawa untuk mengikuti Program Pengajian Pengajian Sarjana Farmasi di Institusi Pengajian Tinggi di dalam atau di luar negara dalam bidang pengkhususan berikut:

PENGKHUSUSAN	
DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
<ul style="list-style-type: none">• Farmasi Klinikal• Farmakoekonomi• Analisis Farmaseutikal• Farmakoinformatik• Sarjana Undang-undang• Sains Perubatan• Kesihatan Awam• Biokimia Pemakanan	<ul style="list-style-type: none">• Farmasi Klinikal• Farmasi Onkologi• Farmasi Nuklear• Farmakognosi• Analisis Farmaseutikal• Farmaseutikal & Toksikologi• Farmaseutik/ Teknologi Farmaseutikal• Fitokimia

KELAYAKAN MASUK


SYARAT AM

1. B.Pharm, MSc.Pharm atau yang setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
2. Telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM);
3. Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas pendaftaran penuh;
4. Telah disahkan dalam jawatan pada atau sebelum tarikh tutup iklan;
5. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan di negara ini:
 - (a) Tidak kurang daripada **tiga (3) tahun** pada tarikh atau sebelum tarikh tutup iklan
 - (b) Pegawai farmasi yang telah menjalani H.O di luar negara hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** selepas pendaftaran dengan LFM pada atau sebelum tarikh tutup iklan;
6. Berumur tidak **melebihi 46 tahun** pada tarikh pendaftaran,
7. Tidak pernah gagal dalam kursus, menarik diri atau menolak tawaran kursus Sarjana Farmasi;
8. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan hendaklah tidak kurang daripada 85% bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut ; dan
9. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib,

SYARAT KHAS: Seperti dalam bahagian 6, 7 dan 8 e-Panduan kemasukan.

SYARAT TAWARAN: seperti dalam e-Panduan kemasukan.


CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON SARJANA FARMASI DI IPTA SESI 2006-2007



BPL: Bahagian Pengurusan Latihan
JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam
KPT: Kementerian Pengajian Tinggi


PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Catatan:

1. ▲ : KKM berhak menentukan penempatan latihan bagi calon sistem terbuka
2. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan

BPL: Bahagian Pengurusan Latihan

JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam

PERMOHONAN DALAM TALIAN

1. Bermula pada awal Oktober setiap tahun.
2. Wajib memohon secara dalam talian di laman web <http://www.mohe.gov.my> atau <http://emoe.gov.my>.
3. Pemohon yang mempunyai kad pengenalan / My Kad sahaja boleh memohon.
4. Pemohon dikehendaki membayar wang proses sebanyak **RM25.00** untuk mendapatkan Nombor ID dengan mengkreditkan terus ke Akaun **UPU-14100-29-83030691-5** di mana-mana kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan bayaran tambahan sebanyak RM0.60 sebagai bayaran perkhidmatan bank. Resit akan dikeluarkan oleh pihak BSN bersama dengan Nombor ID. Nama dan KP pemohon hendaklah dinyatakan dalam pembayaran.
5. Jika terdapat sebarang masalah atau pertanyaan mengenai Permohonan Dalam Talian, sila hubungi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di talian : **03-88835801** atau e-mel: upu@mohe.gov.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : Akhir OKTOBER setiap tahun


Sebarang kelewatan, permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat kelayakan masuk tidak akan dipertimbangkan.


LAMPIRAN 3A

BIDANG SUBKEPAKARAN YANG DITAWARKAN DAN DIKTIRAF

Bil	Bidang	Sub Bidang
1	Farmasi	<ul style="list-style-type: none">i) Farmasi Klinikalii) Farmasi Onkologiiii) Farmasi Nukleariv) Farmakognosiv) Farmakoekonomivi) Farmakoinformatikvii) Analisis Farmaseutikalviii) Farmakologi & Teksikologiix) Farmaseutik / Teknologi Farmaseutikalx) Sarjana Undang-Undang (Penguatkuasaan)xi) Fitokimia

CARTA ALIRAN PERMOHONAN PROGRAM SUBKEPAKARAN





Catatan:

- Calon **WAJIB** mengikuti Kursus BTN sebelum ke luar negara.
- Calon **TIDAK BOLEH** ke luar negara sebelum mendapat kelulusan JPA dan KKM (BPL).
- CTG **TIDAK BOLEH** digunakan untuk program ini.
- Permohonan untuk ke luar negara hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh mula latihan di luar negara.
- Hanya **calon yang disenaraikan sahaja** yang layak mendapat CBBP dengan HLP atau CBBP tanpa HLP sesuai dengan jumlah slot dan pertimbangan KKM.

Nota :

1. CTG - Cuti Tanpa Gaji
2. BPL - Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
3. CBBP - Cuti Belajar Bergaji Penuh
4. HLP - Hadiah Latihan Persekutuan

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMPIRAN 4

JADUAL LALUAN KERJAYA BAGI PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN	CATATAN
	FARMASI	
Gred 41 - Gred 44	3 tahun di Gred 41	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 44 - Gred 48	4 tahun di Gred 44 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 48 - Gred 52	4 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gre 52 - Gred 54	3 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 54 Ke Utama/ Khas 'C' dan ke atas	Tertakluk kepada kekosongan jawatan	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Tempoh Keseluruhan Untuk Berada di Gred 54 daripada Tarikh Lantikan	14 tahun	